

**Najib Teruja Untuk Melawat Muzium Pahlawan Terracotta
Bernama
Mei 27, 2014
Oleh Niam Seet Wei**

XI'AN (China), 27 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak teruja untuk melawat muzium pahlawan Terracotta iaitu Museum of Qin Terracotta Warriors and Horses pada Rabu.

"Xi'an, ibu negeri Provinsi Shaanxi di timur laut China adalah bandar raya yang penuh dengan sejarah, saya tidak sabar untuk melawat Museum of Qin Terracotta Warriors and Horses esok," katanya semasa mengunjungi Gabenor Provinsi Shaanxi Lou Qinjian di sini pada Selasa.

Sementara itu, Lou menyifatkan lawatan Najib sebagai "kegembiraan berganda" kepada rakyat di Shaanxi kerana Ekspo Antarabangsa Jalan Sutera baru sahaja berakhir semalam di provinsi itu.

Najib, yang diiringi isterinya Datin Seri Rosmah Mansor tiba di Lapangan Antarabangsa Xi'an Xianyang pada 5.25 petang.

Esok, Najib, yang juga Menteri Kewangan dijadual merasmikan Minggu Festival Makanan Halal Malaysia-Xi'an di Jalan Beiyuanmen (Jalan Muslim) dan melawat gerai Malaysia.

Sebelum melawat Museum of Qin Terracotta Warriors and Horses (Muzium Pahlawan Qin Terracotta dan Kuda), perdana menteri dan isteri akan melawat Masjid Besar Xi'an berusia 1,200 tahun.

Selepas itu mereka akan berlepas ke Beijing dan bertemu pemimpin tinggi China di sana pada hari yang sama.

Anggota lain delegasi Malaysia ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Duta Khas Perdana Menteri di China Tan Sri Ong Ka Ting.

Najib dan rombongannya dijadual melawat Xi'an dan Beijing dari 27 Mei hingga 1 Jun sempena ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik dijalin antara Malaysia dan China.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1041922>